



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KENYATAAN RASMI BIL. 3/2019

MOHON PENJELASAN YB MENTERI AGAMA BERKAITAN TAFSIRAN 'HINA AGAMA' DALAM CADANGAN PINDAAN KANUN KESEKSAAN BERKAITAN MENGHINA AGAMA


1. Saya telah meneliti ucapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa pada Majlis Pelancaran Standard Penarafan Masjid Wilayah Persekutuan dan Penyampaian Watakah Jawatankuasa Kariah Masjid serta Surau Diri Jumaat Wilayah Persekutuan Sesi 2018-2020. Ia berkaitan cadangan pindaan Kanun Keseksaan Berkaitan Menghina Agama bagi mewujudkan satu klausa khusus supaya mereka yang menghina agama boleh dianggap sebagai melakukan jenayah dan diberi hukuman berat.
2. Pada dasarnya saya menyokong dan bersetuju dengan cadangan pindaan tersebut, namun terdapat beberapa persoalan primer yang perlu mendapat penjelasan lanjut antaranya:
 - i. Apakah tafsiran agama dalam cadangan pindaan tersebut merujuk kepada agama Islam sebagai agama persekutuan ataupun merangkumi agama-agama lain yang diamalkan di negara ini?
 - ii. Seperti dimaklumi, al-Quran dan al-Sunah telah menjelaskan ketinggian Islam berbanding agama-agama lain. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Ma'idah ayat 3 yang bermaksud ; *'.... Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu'*.

Dan firmanNya lagi di dalam Surah Maryam ayat 42 yang bermaksud ; *'Ketika ia (Ibrahim) berkata kepada bapanya: "mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikit pun?"'*

Rasulullah SAW juga telah bersabda yang bermaksud ; *'Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi darinya'*.

Dalil-dalil tersebut menunjukkan posisi Islam adalah lebih tinggi berbanding dengan agama-agama lain. Jika dakwah kepada manusia tentang ketinggian Islam dan kelemahan agama lain akan dianggap menghina agama lain, sudah tentu kedudukan Islam akan dilihat setara dengan agama lain. Jadi di manakah keistimewaan yang masih wujud pada agama Islam?

- iii. Adakah ketika orang Islam berdakwah atau menjelaskan kepercayaan yang benar dan kepercayaan yang batil seperti penggunaan istilah *kufur*, *syirik*, *ilhad*, patung berhala, *triniti* dan seumpamanya dianggap menghina kepercayaan agama lain?
3. Saya juga ingin menarik perhatian terhadap takrifan oleh Tan Sri Mohamed Apandi Ali dalam penghakiman kes Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur v. Menteri Dalam Negeri and Kerajaan Malaysia di Mahkamah Rayuan berhubung **Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan**: *“Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan”*. Beliau telah menegaskan bahawa tujuan dimasukkan kata-kata **“dengan aman dan damai”** ke dalam Perkara 3(1) adalah untuk **melindungi kesucian Islam sebagai agama negara dan juga untuk melindungi Islam daripada apa-apa ancaman yang dihadapi atau apa-apa kemungkinan dan kemungkinan ancaman terhadap agama Islam**.
4. Oleh yang demikian, saya menzahirkan kekhawatiran apabila pindaan ini diluluskan **tanpa kajian dan perbincangan** dengan melibatkan pakar-pakar perundangan, cendekiawan Islam, agensi-agensi agama Islam dan badan-badan dakwah Islam. Implikasi dari pindaan tersebut akan memberi ruang yang luas kepada masyarakat untuk melihat kesamarataan pada semua agama atau **pluralisme agama** yang telah difatwakan terkeluar dari ajaran Islam seterusnya memberi kesan yang negatif kepada umat Islam di negara ini.



Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

**24 Jamadil Akhir 1440 H (Jumaat)
1 Mac 2019 M**